

# Sumber Pilihan

## Jurnal Elektronik Emerald Management Xtra Plus

### Pengenalan

Emerald Full Text Plus merupakan salah satu sumber elektronik yang dilanggan oleh Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis pada tahun 2008. Ia merupakan sumber jurnal elektronik yang dilanggan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna dalam bidang pengurusan, sains sosial, teknologi maklumat dan kejuruteraan. Emerald menawarkan capaian kepada 212 jurnal teks penuh yang diterbitkan oleh MCB Press yang kini dikenali sebagai Emerald. Apa yang lebih menarik, Emerald Management Full Text menyediakan liputan teks penuh bagi tahun 1996 hingga kini. Walau bagaimanapun, teks penuh bagi tahun sebelum 1996 tidak boleh dicapai oleh warga UniMAP. Paket ini diedarkan secara berasingan dengan model perolehan secara *one time purchase* atau pembelian pada satu masa.

### Menggunakan Emerald Management Full Text Plus Secara Bijak

Pencarian maklumat menggunakan platform Emerald menawarkan antara muka mesra pelanggan. Penggunaan *advanced search* membolehkan pengguna meningkatkan kebarangkalian memperoleh maklumat relevan melalui gabungan dua atau lebih kata punca. Ia juga menawarkan pencarian kata punca menggunakan medan utama seperti abstrak, judul, teks penuh, sumber dan sebagainya.


### My Subscribed Content

Menggunakan limitasi opsyen "My Subscribed Content", pengguna boleh mengarahkan sistem memaparkan hasil carian yang mengandungi teks penuh yang dilanggan sahaja. Ini amat penting memandangkan Perpustakaan UniMAP hanya melanggan kepada paket jurnal elektronik sahaja. Dengan kaedah ini, hasil carian daripada teks penuh buku dan handbooks tidak akan dipaparkan oleh sistem.

### Mendapatkan Teks Penuh Bahan Yang Tidak Dilanggan Oleh Perpustakaan

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, Emerald mengandungi lebih teks penuh berbanding

pakej yang dilanggan oleh Perpustakaan. Sehubungan itu, terdapat artikel jurnal yang tidak boleh diperoleh oleh pengguna. Bahan-bahan yang tidak dilanggan boleh diperolehi melalui Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP). Perkhidmatan ini boleh didapati dengan menghubungi Unit Runding Maklumat di talian 04-9798554 atau e-mel kepada rujukan@unimap.edu.my



## Mcgraw Hill Digital Engineering Library Kini Dikenali Sebagai Mcgraw Hill Access Engineering

McGraw Hill Access Engineering menawarkan capaian kepada hampir 251 buku dalam pelbagai bidang kejuruteraan meliputi biomedik, kimia, komunikasi, binaan, elektrik, tenaga, alam sekitar, perindustrian, sains bahan, mekanik, teknologi nano dan optik. Ia menawarkan kandungan digital kepada bahan terbitan McGraw Hill seperti Mark's Standard Handbook for Mechanical Engineers, Perry's Chemical Engineer Handbook, Standard Handbook for Electrical Engineers, Roark's Formula for Stress and Strains dan banyak lagi. McGraw Hill Access Engineering kini disenaraikan pada laman e-Resources yang boleh diakses di <http://mylib.unimap.edu.my>.